

REDZA (barisan hadapan, tengah) bersama Prof Dr. Mohamad Shatar (kanan) dan Pengarah CaRE Prof Dr. Latiffah Abdul Latif (kiri) ketika majlis pelancaran ikon dan sukarelawan CaRE.



Dua kali di ambang maut

Mohd Redza tabah lawan kanser demi ibu dan bapa

Oleh Siti Zarinah Sahib
sitizarinah@media-
prima.com.com

Melihat peribadi lelaki ini tiada siapa menyangka dulunya dia bekas pesakit kanser kelenjar darah tahap empat, malah pernah terlantar beberapa bulan di hospital dengan disahkan doktor hanya mempunyai peluang tujuh hari saja untuk hidup. Namun, kekuatan serta semangat yang kuat, dengan izin Allah, Mohd Redza Abdul Rahman, 29, mampu meneruskan kehidupan sehingga sekarang.

Ketua Jabatan Pembangunan dan Penyelidikan Produk FELDA Wellness Corporation ini mengakui dalam sejarah keluarga tiada seorang pun adik-beradik menghidap kanser. Namun ketika berusia 13 tahun, Redza diuji dengan barah usus yang menyebabkan dia muntah serta tidak mampu menjamah makanan.

Oleh kerana ayah hanya bekerja sebagai pemandu teksi dan tidak mempunyai kewangan mencukupi bagi menjalani rawatan kemoterapi, Redza hanya dibekalkan dengan pemakanan sunah seperti air zamzam, kurma, kismis, habatus sauda dan madu.

"Alhamdulillah dengan izin Allah hari demi hari saya diberi kekuatan sehingga lama-kelamaan kembali pulih dan dapat menjalani kehidupan seperti orang lain," katanya ketika berucap sempena perasmian majlis pelantikan Ikon dan Pelancaran Program Sukarelawan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE), di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM), bulan lalu.

Namun takdir Tuhan tiada siapa mampu menduga beberapa tahun selepas apabila sekali lagi dia diduga apabila disahkan menghidap kanser kelenjar darah pada tahap empat serta mempunyai peluang tipis untuk hidup.

"Saya sendiri tidak me-



IKON CaRE Redza bersama rakan sukarelawan yang lain.

nyangka terpaksa menempuh kehidupan kali kedua sebagai pesakit kanser sedangkan dulu saya cergas dan kuat bersenam. Malah saya sering menyampaikan ceramah mengenai pemakanan sihat dan berkhasiat kepada masyarakat umum," katanya.

Menurut Redza, ketika terlantar di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Kuala Lumpur (HKL), dia melihat ibunya sungguh berduka mahu kehilangan insan tersayang.

"Saya berasa cukup terkesan ketika itu kerana penyakit yang saya alami membuatkan ibu mengalirkan air mata. Oleh itu, saya kuatkan semangat

yang saya perlu teruskan hidup kerana masih banyak tanggungjawab kepada orang tua yang belum terlaksana. Setiap saat saya berdoa supaya Allah memanjangkan usia supaya hasrat menghantar ibu menunaikan haji terlaksana, selepas itu sekiranya sudah tiba ajal saya, saya boleh pergi dengan tenang," ujarnya.

Menurut Redza, selain menjalani rawatan sama ada moden mahupun tradisional, kekuatan serta semangat penghidap kanser untuk terus berjuang melawan sel barah dalam tubuh mereka bergantung kepada fizikal, rohani dan emosi mereka sendiri. Inilah yang membekalkan antara seorang pesakit dengan pesakit yang lain.

Dipilih sebagai ikon CaRE

Redza yang turut dilantik sebagai ikon CaRE begitu terharu dengan pengiktirafan ini dan mengharapkan pengalaman sebagai bekas pesakit kanser mampu memberikan semangat, motivasi dan kekuatan kepada insan lain terutama penghidap kanser supaya terus berjuang melawan sel kanser selagi ada hayat dikandung badan. Jangan sesekali berserah kepada takdir sebaliknya berusaha mendapatkan rawatan.

"Dengan ilmu yang saya peroleh ini saya ingin berkongsi ilmu dengan orang ramai bagaimana berhadapan dengan penyakit kanser. Saya sendiri mendapat sokongan daripada keluarga dan majikan, jadi saya berharap masyarakat turut memberikan sokongan kepada ahli keluarga yang menghidap kanser," katanya.

Kini kehidupannya ditumpukan kepada kerja sukarelawan dengan mendapati golongan sasaran iaitu pesakit dan keluarga pesakit barah untuk mem-

berikan semangat serta motivasi.

Sebagai ikon, Redza berperanan sebagai perantara CaRE dan golongan sasaran berhubung program anjuran CaRE. Di samping itu, dia turut menyampaikan ceramah, sesi perkongsian dan sokongan serta mengetuai aktiviti riadah CaRE bagi menyokong pembudayaan gaya hidup sihat di dalam kalangan masyarakat.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP dan Alumni), Prof Dr Mohamad Shatar Sabran, pelantikan Ikon CaRE amat dialu-alukan kerana menjadi wadah kepada CaRE untuk mendekati golongan sasaran utama iaitu pesakit dan keluarga pesakit kanser. Ikon CaRE yang dilantik dipilih berdasarkan latar belakang, kredibiliti dan juga pengalaman sebagai seorang pejuang kanser, selain mampu menjadi motivasi kepada yang lain dalam menghadapi kehidupan sama ada sebagai pesakit atau keluarga pesakit kanser.